



**PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT FINANCIAL STATEMENTS**



2015

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
MINISTRY OF FINANCE MALAYSIA



Excellent Accounting @ Your Service



KERAJAAN MALAYSIA



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Excellent Accounting @ Your Service

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN **2015**



DITERBITKAN DENGAN PERINTAH



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Excellent Accounting @ Your Service

SURAT PENYAMPAIAN

**YANG AMAT BERTHORMAT
DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEWANGAN
MALAYSIA**

YAB. Dato' Sri,

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 yang telah diaudit untuk dibentang di Parlimen.

Dengan hormatnya dikemukakan,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Che Pee bin Samsudin'.

**Dato' Haji Che Pee bin Samsudin
Akauntan Negara Malaysia**

3 MEI 2016

PENGHARGAAN

“ *Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 telah berjaya mengekalkan perolehan Sijil Audit Bersih yang telah diterima pada setiap tahun sejak tahun 1997* ”



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada semua penjawat awam khususnya pegawai perkhidmatan perakaunan di Kementerian, Jabatan, Negeri dan Cawangan atas sumbangan, dedikasi dan komitmen yang telah diberikan kepada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyediakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2015.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T atas limpah rahmat dan izin-Nya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 telah berjaya diserahkan kepada Ketua Audit Negara bersama Kertas Kerja Sokongan pada 26 Februari 2016, lima (5) bulan lebih awal dari ketetapan statut. Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2015 telah berjaya mengekalkan perolehan Sijil Audit Bersih yang telah diterima pada setiap tahun sejak tahun 1997. Semoga prestasi cemerlang ini akan terus berkekalan bagi tahun-tahun yang akan datang.

Bagi mengekalkan prestasi penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang cemerlang, lima (5) nilai bersama JANM iaitu **SPECIAL (Satisfying the customers, Professionalism, Esprit de Corp, Integrity and Accountability dan Loyalty)** perlu dihayati dan diamalkan oleh semua warga perkhidmatan perakaunan supaya peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan berkesan.

Dalam meniti arus peralihan ke arah lanskap baru perakaunan akruan, pelbagai program persediaan perakaunan akruan giat dilaksanakan seperti pengurusan perubahan, latihan serta pengumpulan data aset dan liabiliti. Sehubungan itu, semua penjawat awam khususnya pegawai perakaunan di Kementerian, Jabatan, Negeri dan Cawangan hendaklah sentiasa bersedia dan terus mengekalkan momentum, sokongan dan komitmen secara lebih positif bagi mendokong transformasi pelaksanaan Perakaunan Akruan.

Perubahan lanskap baru perakaunan Kerajaan Persekutuan dari perakaunan asas tunai kepada perakaunan akruan akan dapat menambahbaik pengurusan kewangan dengan lebih efisien demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Sehubungan itu, pelaporan dan maklumat kewangan yang berkualiti amatlah diperlukan untuk membantu *stakeholder* membuat keputusan yang efektif. Maklumat kewangan yang lebih terperinci dan lengkap dalam Penyata Kewangan melalui pelaporan aset dan liabiliti dapat meningkatkan ketelusan serta akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan.

Akhir kata, saya berharap agar kualiti pelaporan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan akan terus cemerlang bagi memastikan ia dapat memenuhi keperluan *stakeholder* selaras dengan hala tuju JANM. Ini secara tidak langsung dapat memenuhi aspirasi Kerajaan untuk '**Merakyatkan Perkhidmatan Awam**'.

والسلام

"Excellent Accounting @ Your Service"



Dato' Haji Che Pee bin Samsudin
Akauntan Negara Malaysia

3 Mei 2016



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2015

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2015 disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentang di Parlimen mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan urus niaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Parlimen bagi tahun kewangan 2015.

Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan mengandungi penjelasan lanjut serta jadual terperinci berkaitan jumlah di Penyata Kewangan.

KANDUNGAN

PENGENALAN	PENYATA KEWANGAN	LAMPIRAN KEPADA NOTA
1 Ringkasan Eksekutif	41 Sijil Ketua Audit Negara	66 Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus
15 Laporan Akauntan Negara	43 Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan	228 Lampiran 2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan
	44 Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Akauntan Negara Malaysia	261 Lampiran 3 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut
	45 Penyata Kedudukan Kewangan	267 Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan
	46 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	273 Lampiran 5 Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam
	48 Penyata Prestasi Kewangan	279 Lampiran 6 Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun
	49 Penyata Akaun Memorandum	
	50 Nota Kepada Penyata Kewangan	
		LAMPIRAN
		285 Perangkaan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2006-2015
		290 Carta Organisasi Kementerian Kewangan Malaysia
		291 Carta Organisasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia




JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ARAS 1-8, KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO.1, PERSIARAN PERDANA
PRECINT 2, 62594 PUTRAJAYA


603-8882 1000


603-8882 1042



RINGKASAN EKSEKUTIF

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2015



RINGKASAN EKSEKUTIF

Belanjawan 2015 digubal dengan memberi fokus kepada “**Ekonomi Keperluan Rakyat**” dengan menggariskan strategi utama seperti berikut:

- **Strategi Pertama**
Memperkuh Pertumbuhan Ekonomi
- **Strategi Kedua**
Memantap Tadbir Urus Fiskal
- **Strategi Ketiga**
Mengupaya Modal Insan dan Keusahawanan
- **Strategi Keempat**
Memperkasa Agenda Bumiputera
- **Strategi Kelima**
Memartabat Peranan Wanita
- **Strategi Keenam**
Membangun Program Transformasi Belia Negara; dan
- **Strategi Ketujuh**
Mensejahtera Rakyat

Belanjawan 2015 telah menyediakan peruntukan sebanyak RM273.94 bilion bagi melaksanakan program dan projek pembangunan. Peruntukan yang disediakan ini ditumpukan kepada program dan projek untuk kesejahteraan rakyat, transformasi negara dan pembangunan ekonomi. Kerajaan Persekutuan telah membuat unjuran hasil sebanyak RM234.98 bilion pada tahun 2015. Kutipan hasil Kerajaan pada tahun 2015 berjumlah RM219.09 bilion. Secara keseluruhannya Kerajaan Persekutuan telah berbelanja sebanyak RM257.77 bilion berbanding anggaran disemak sebanyak RM264.75 bilion. Ini menyebabkan Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM38.68 bilion.

Pada tahun 2015, Kerajaan Persekutuan telah mencatatkan lebih hasil berjumlah RM2.09 bilion dalam akaun semasa. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan masih mengalami defisit keseluruhan sebanyak 3.22% berbanding KDNK. Defisit ini menurun sedikit berbanding defisit keseluruhan tahun 2014 iaitu 3.38%.

Wang Tunai Kerajaan Persekutuan telah meningkat sebanyak RM5.55 bilion kepada RM22.97 bilion dalam tahun 2015 disebabkan terimaan yang berjumlah RM342.17 bilion melebihi bayaran yang berjumlah RM336.62 bilion.

Terimaan dalam tahun 2015 terdiri daripada kutipan hasil sebanyak RM219.09 bilion, pinjaman berjumlah RM121.11 bilion dan bantuan luar negeri berjumlah RM0.25 bilion, terimaan modal berjumlah RM1.03 bilion dan terimaan amanah berjumlah RM0.69 bilion. Hasil Kerajaan sebanyak 64.03% merupakan komponen utama terimaan diikuti oleh pinjaman dan bantuan luar negeri sebanyak 35.47% serta terimaan amanah dan terimaan modal sebanyak 0.50%.

Bayaran dalam tahun 2015 terdiri daripada RM215.04 bilion untuk perbelanjaan mengurus, RM42.10 bilion untuk perbelanjaan pembangunan termasuk pembayaran pembangunan di bawah Inisiatif dan Aktiviti Pembiayaan Swasta sebanyak RM1.33 bilion, RM77.62 bilion untuk pembayaran balik pinjaman dan bantuan luar negeri dan RM1.86 bilion untuk perbelanjaan modal. Perbelanjaan mengurus pada 63.88% merupakan komponen utama pembayaran diikuti oleh pembayaran balik pinjaman dan bantuan luar negeri sebanyak 23.06%, perbelanjaan pembangunan termasuk pembayaran di bawah Inisiatif dan Aktiviti Pembiayaan Swasta sebanyak 12.51% serta perbelanjaan modal sebanyak 0.55%.


Aset Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum hanya meliputi Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM105.73 bilion dan Pelaburan berjumlah RM30.32 bilion. Manakala Liabiliti Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum terdiri daripada Hutang Persekutuan berjumlah RM630.54 bilion dan Pelbagai Liabiliti berjumlah RM0.71 bilion.

Hutang Persekutuan meningkat sebanyak 8.19% kepada RM630.54 bilion dalam tahun 2015 yang terdiri daripada hutang dalam negeri berjumlah RM609.06 bilion (96.59%) dan hutang luar negeri termasuk bantuan luar negeri berjumlah RM21.48 bilion (3.41%). Bayaran perkhidmatan hutang bagi tahun 2015 adalah 11.19% (RM24.28 bilion) daripada jumlah perbelanjaan mengurus.




SOROTAN SEPANJANG TAHUN 2015

RINGKASAN EKSEKUTIF





SEKILAS PANDANG

Rajah 1
Prestasi Belanjawan 2015

Rajah 2
Prestasi Belanjawan 2011-2015

Rajah 3

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan



Rajah 4


Akaun Hasil Disatukan

Rajah 5
Pecahan Hasil 2015



- Hasil Cukai
- Hasil Bukan Cukai
- Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan

Rajah 6
Pecahan Perbelanjaan Mengurus 2015


- Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap
- Emolumen
- Aset dan Perbelanjaan Lain
- Perkhidmatan dan Bekalan

Rajah 7
Kumpulan Wang Pembangunan


RM Bilion



Rajah 8
Akaun Amanah Disatukan

Rajah 9

Akaun Pinjaman Disatukan



RM Bilion





Rajah 10

Hutang Persekutuan

Rajah 11



Jaminan Berkanun



Rajah 12

Akaun Belum Terima

Rajah 13
Nisbah Defisit dan Hutang kepada KDNK



Rajah 14
Perbelanjaan Hutang Persekutuan



LAPORAN AKAUNTAN NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2015



LAPORAN AKAUNTAN NEGARA

KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Belanjawan 2015 digubal dengan fokus mengekalkan pertumbuhan ekonomi supaya terus berkembang kukuh, dengan objektif keseluruhan mencapai kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat. Memenuhi maksud ini, Belanjawan 2015 dirangka bertemakan “**Ekonomi Keperluan Rakyat**” dengan menggariskan tujuh strategi utama:

- i) **Strategi Pertama**
Memperkuh Pertumbuhan Ekonomi;
- ii) **Strategi Kedua**
Memantap Tadbir Urus Fiskal;
- iii) **Strategi Ketiga**
Mengupaya Modal Insan dan Keusahawanan;
- iv) **Strategi Keempat**
Memperkasa Agenda Bumiputera;
- v) **Strategi Kelima**
Memartabat Peranan Wanita;
- vi) **Strategi Keenam**
Membangun Program Transformasi Belia Negara; dan
- vii) **Strategi Ketujuh**
Mensejahtera Rakyat

Belanjawan 2015 telah diluluskan oleh Parlimen pada Disember 2014 dengan peruntukan sebanyak RM273.94 bilion bagi melaksanakan semua langkah, program dan projek pembangunan, menumpukan kepada kesejahteraan rakyat, transformasi negara dan pembangunan ekonomi. Daripada jumlah peruntukan tersebut, RM223.44 bilion adalah bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM50.50 bilion adalah bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Jumlah Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan bagi tahun 2015 adalah RM257.77 bilion (tidak termasuk RM2.09 bilion yang

dipindahkan dari Akaun Hasil Disatukan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 94.10% daripada peruntukan berjumlah RM273.94 bilion. Daripada jumlah ini, Perbelanjaan Mengurus adalah sebanyak RM217.00 bilion (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan) manakala Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM40.77 bilion.

Perbelanjaan Mengurus adalah termasuk Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM47.78 bilion, iaitu 99.73% daripada jumlah peruntukan dipinda RM47.91 bilion. Perbelanjaan Bekalan pula berjumlah RM169.22 bilion (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 97.35% daripada jumlah peruntukan dipinda RM173.82 bilion.

Jumlah Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2015 adalah RM40.77 bilion iaitu 94.77% daripada jumlah peruntukan dipinda RM43.03 bilion. Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan cara langsung adalah RM38.60 bilion, manakala perbelanjaan pinjaman berjumlah RM2.17 bilion.

IMBASAN DAN ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah sempurna disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 26 Februari 2016. Ketua Audit Negara mengikut peruntukan Akta Audit 1957 [Akta 62] telah mengaudit Penyata Kewangan 2015 dan mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara pada 14 April 2016.

Skop perbincangan ini meliputi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dan Penyata Akaun Memorandum. Ia disediakan berasaskan *Recommended Practice Guideline (RPG) 2-Financial Statement Discussion and Analysis* yang dikeluarkan oleh *International Public Sector Accounting Standards Board (IPSASB)*.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubahsuai yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan, hanya pelaburan yang dipegang bagi akaun hasil dan akaun amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Pelaburan lain dilaporkan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan dengan maklumat terperinci di Penyata Akaun Memorandum.

Carta 1 meringkaskan baki Kumpulan Wang Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun.



WANG AWAM

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank merupakan Akaun

Semasa dan Akaun Simpanan Tetap bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula terdiri daripada wang tunai belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan, manakala, Wang Tunai Dalam Tangan pula merupakan baki Panjar Wang Runcit.

Pengurusan wang tunai yang efisien adalah penting untuk memastikan bahawa semua perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dapat dibiayai dengan kedudukan wang tunai yang kukuh. Lebihan wang tunai dilaburkan dalam deposit tiga (3) bulan dan ke bawah bagi memastikan kecairan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan harian.

Wang Tunai Kerajaan Persekutuan menokok sebanyak RM5,546 juta (31.82%) kepada RM22,973 juta pada 31 Disember 2015 berbanding RM17,427 juta pada 31 Disember 2014. Jumlah tersebut merangkumi RM22,032 juta (95.91%) Wang Tunai Dalam Bank, RM938 juta (4.08%) Wang Tunai Dalam Perjalanan dan RM3 juta (0.01%) Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Akaun Semasa RM11,248 juta (51.05%) dan Akaun Simpanan Tetap bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah RM10,784 juta (48.95%). **Jadual 1** menunjukkan kedudukan baki Wang Tunai Kerajaan Persekutuan bagi tahun kewangan 2015 dan 2014.

Jadual 1		
Wang Tunai Kerajaan Persekutuan		
Perihal	2015 (RM)	2014 (RM)
Wang Tunai Dalam Bank	22,031,497,574	16,479,289,901
Wang Tunai Dalam Perjalanan	937,652,138	943,952,421
Wang Tunai Dalam Tangan	3,398,403	3,428,750
Jumlah Wang Tunai	22,972,548,115	17,426,671,072

Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 3, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pelaburan


Pelaburan Kerajaan Persekutuan dilaporkan sebagai salah satu item di bawah Wang Awam di Penyata Kedudukan Kewangan selain daripada

Wang Tunai. Nilai pelaburan yang dilaporkan adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan dana Kumpulan Wang Disatukan, iaitu samada daripada lebihan Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan atau Akaun Amanah Disatukan. Pelaburan Akaun Amanah Disatukan yang dilaporkan adalah termasuk pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara yang diuruskan oleh Bank Negara Malaysia.

Secara keseluruhannya, jumlah pelaburan menunjukkan peningkatan yang ketara dalam tahun 2015 berbanding tahun 2014. **Carta 2** menunjukkan amaun pelaburan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 2011 hingga 2015.

Carta 2

Pelaburan Kerajaan Persekutuan



Pada 31 Disember 2015, jumlah pelaburan Kerajaan Persekutuan telah meningkat sebanyak 9.99% atau RM2,339 juta kepada RM25,754 juta berbanding RM23,415 juta pada 31 Disember 2014. Jumlah pelaburan sebanyak RM25,754 juta terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah berjumlah RM17,012 juta dan Pelaburan Am berjumlah RM8,742 juta. Peningkatan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah disebabkan oleh pertambahan pelaburan di dalam Sekuriti Kerajaan Luar Negeri, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan dan Pelbagai

pelaburan, manakala peningkatan Pelaburan Am adalah disebabkan oleh pertambahan pelaburan di dalam Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri. **Carta 3** menunjukkan pecahan pelaburan Kerajaan Persekutuan mengikut kategori pada 31 Disember 2015.

Carta 3

Pelaburan Kerajaan Mengikut Kategori 2015



Kategori pelaburan Kerajaan Persekutuan terdiri kepada Sekuriti Kerajaan Luar Negeri, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri, Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri, Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan dan Pelbagai pelaburan. Butiran terperinci perbandingan tahun 2015 dan 2014 mengikut jenis pelaburan adalah seperti di **Jadual 2**.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah pada tahun 2015 meningkat sebanyak RM2,248 juta (15.23%) berbanding RM14,764 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan amaun pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Luar Negeri sebanyak RM1,450 juta (28.96%), Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM515 juta (26.38%) dan Pelbagai pelaburan sebanyak RM188 juta (100.00%). Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan merupakan komponen terbesar di dalam Pelaburan Kumpulan Wang

Jadual 2
Pelaburan Mengikut Jenis

JENIS PELABURAN	NILAI BUKU		PENINGKATAN / (PENURUNAN)	
	2015 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	(RM Juta)	%
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah				
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	6,457	5,007	1,450	28.96
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,467	1,952	515	26.38
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	1	1	-	-
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440	440	-	-
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan	7,459	7,364	95	1.29
Pelbagai	188	-	188	100.00
Jumlah	17,012	14,764	2,248	15.23
Pelaburan Am				
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	6,618	6,143	475	7.73
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan	2,122	2,506	(384)	(15.32)
Pelbagai	2	2	-	-
Jumlah Pelaburan Am	8,742	8,651	91	1.05
Jumlah Keseluruhan	25,754	23,415	2,339	9.99

Amanah (43.85%) mencatatkan peningkatan sebanyak RM95 juta (1.29%) berbanding tahun sebelumnya. Tiada perubahan bagi Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri dan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri. **Carta 4** menunjukkan pola pergerakan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah mengikut jenis pelaburan dari tahun 2011 hingga 2015.

Pelaburan Am

Secara keseluruhannya, jumlah Pelaburan Am sebanyak RM8,742 juta pada tahun 2015 meningkat sebanyak RM91 juta (1.05%) berbanding RM8,651 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini disebabkan oleh pertambahan pelaburan dalam Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri sebanyak RM475 juta (7.73%) yang juga merupakan komponen terbesar dalam Pelaburan

Carta 4

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Mengikut Jenis



Am (75.70%). Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan pula mengalami penurunan sebanyak RM384 juta (15.32%) berbanding tahun sebelumnya. Jumlah bagi pelbagai pelaburan adalah kekal seperti tahun sebelumnya. Pola pergerakan Pelaburan Am mengikut jenis pelaburan dari tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 5**.

Carta 5

Pelaburan Am Mengikut Jenis



Maklumat lanjut mengenai Pelaburan boleh dirujuk kepada **Nota 4, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

KUMPULAN WANG DISATUKAN


AKAUN HASIL DISATUKAN

Hasil

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 berkurang sebanyak 0.70% kepada RM219,089 juta berbanding kutipan tahun 2014 sebanyak RM220,626 juta. Penurunan jumlah hasil ini disebabkan oleh kutipan Cukai Langsung dan Hasil Bukan Cukai yang lebih rendah iaitu masing-masing berjumlah RM111,770 juta dan RM51,467 juta berbanding RM126,742 juta dan RM53,899 juta pada tahun 2014. Hasil Cukai kekal sebagai sumber utama yang menyumbang sebanyak RM165,441 juta atau 75.51% daripada jumlah hasil keseluruhan. Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan masing-masing menyumbang sebanyak RM1,290 juta dan RM891 juta. Pecahan Hasil mengikut jenis pada tahun 2015 adalah seperti di **Carta 6**.

Carta 6

Pecahan Hasil 2015



■ Hasil Cukai
 ■ Hasil Bukan Cukai
■ Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan

Cukai Pendapatan merupakan sumber utama hasil Cukai Langsung dengan jumlah kutipan sebanyak RM103,985 juta atau 93.03% daripada jumlah keseluruhan hasil Cukai Langsung. Komponen utama terdiri daripada cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan petroleum. Kutipan cukai pendapatan syarikat yang berjumlah RM63,679 juta adalah 2.39% lebih rendah berbanding kutipan tahun 2014 iaitu sebanyak RM65,239 juta. Penyusutan cukai pendapatan syarikat adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan pada tahun 2015 dengan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5% berbanding 6% pada tahun 2014. Kutipan cukai pendapatan individu pula meningkat 7.77% kepada RM26,321 juta berbanding kutipan tahun 2014 yang berjumlah RM24,423 juta didorong oleh pertumbuhan stabil guna tenaga dan upah. Kutipan cukai pendapatan petroleum pula menyusut kepada RM11,559 juta, berkurang sebanyak 57.12% berbanding kutipan tahun 2014 yang berjumlah RM26,956 juta disebabkan oleh purata harga minyak mentah dunia yang lebih rendah pada tahun 2015 (USD50 sebarel Brent) berbanding tahun 2014 (USD99 sebarel Brent). Bagi komponen cukai langsung yang lain, kutipan duti setem menurun 7.49% kepada RM5,974 juta disebabkan oleh kadar pertumbuhan sektor hartanah yang perlahan. Di samping itu, cukai keuntungan hartanah meningkat 42.89% kepada RM1,729 juta selaras dengan kajian semula kadar cukai keuntungan hartanah bermula tahun 2015 dan nilai hartanah yang lebih tinggi.

Cukai tidak langsung melonjak 43.26% kepada RM53,671 juta pada tahun 2015 berbanding RM37,462 juta pada tahun 2014. Peningkatan ketara ini didorong oleh pengenalan cukai barang dan perkhidmatan (GST) pada 1 April 2015. Jumlah kutipan GST pada tahun 2015 adalah RM27,012 juta berbanding unjuran asal RM21,720 juta. Kutipan GST ke atas barang dan perkhidmatan tempatan berjumlah RM14,040 juta (51.98%) manakala kutipan GST import pula mencatat RM12,972 juta (48.02%). Di samping itu, hasil cukai jualan dan perkhidmatan bagi tempoh 3 bulan pertama tahun 2015 adalah sebanyak RM8,261 juta. Kutipan duti eksport yang berjumlah RM1,039 juta berkurang

sebanyak 45.11% berbanding kutipan tahun 2014 yang berjumlah RM1,893 juta disebabkan oleh purata harga minyak mentah dunia yang lebih rendah pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Manakala, kutipan duti import meningkat 2.32% kepada RM 2,732 juta berbanding kutipan tahun 2014 yang berjumlah RM2,670 juta disumbangkan terutamanya oleh kutipan duti ke atas mesin dan bahan plastik yang lebih tinggi. Kutipan duti eksais pula menyusut 8.00% kepada RM11,890 juta berbanding kutipan tahun 2014 yang berjumlah RM12,924 juta ekoran pengurangan jualan kenderaan penumpang (*passenger cars*) dan kenderaan pelbagai guna (MPV) iaitu sebanyak 22,271 unit (2015: 529,197 unit; 2014: 551,468 unit). Kutipan levi juga berkurang 24.07% kepada RM164 juta pada tahun 2015 berbanding RM216 juta pada tahun 2014. Kutipan pelbagai cukai tidak langsung adalah sebanyak RM2,572 juta, meningkat 1.18% berbanding kutipan tahun 2014 yang berjumlah RM2,542 juta.

Pada tahun 2015, kutipan hasil bukan cukai berkurang 4.51% kepada RM51,467 juta berbanding RM53,899 juta pada tahun 2014. Penurunan ini disebabkan oleh terimaan faedah dan perolehan daripada pelaburan serta lesen, bayaran pendaftaran dan permit yang lebih rendah. Kutipan hasil daripada lesen, bayaran pendaftaran dan permit berkurang 12.02% kepada RM12,540 juta berbanding kutipan tahun 2014 yang berjumlah RM14,254 juta. Pengurangan ini disebabkan oleh terimaan royalti petroleum yang lebih rendah iaitu sebanyak RM5,142 juta berbanding RM6,532 juta pada tahun 2014. Hasil faedah dan pulangan pelaburan juga berkurang 2.72% kepada RM32,838 juta berbanding RM33,756 juta pada tahun 2014. Penyusutan ini disebabkan oleh terimaan dividen PETRONAS yang lebih rendah sebanyak RM26,000 juta berbanding RM29,000 juta yang diperoleh pada tahun 2014.


Terimaan bukan hasil menyusut 22.62% kepada RM1,290 juta berbanding RM1,667 juta pada tahun 2014. Hasil Wilayah Persekutuan pula meningkat 4.21% kepada RM891 juta berbanding kutipan pada tahun 2014 disumbang

oleh peningkatan kutipan premium dan cukai tanah serta duti hiburan.

Carta 7 meringkaskan Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima (5) tahun. Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 5, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Carta 7

Hasil Kerajaan Persekutuan



Perbelanjaan Mengurus

Anggaran Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan disemak berjumlah RM221,727 juta, menurun sebanyak 0.77% berbanding anggaran asal iaitu RM223,440 juta pada tahun 2015.

Perbelanjaan Mengurus 2015 berjumlah RM216,998 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM2,091 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan). Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap, iaitu pemberian subsidi dan bantuan tunai, pemberian kepada Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun, bayaran khidmat hutang, pencen, elaun bersara dan ganjaran, emolumen iaitu

gaji dan elaun anggota perkhidmatan awam dan perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan termasuk penyelenggaraan, sewaan dan kos-kos operasi lain.

Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM47,776 juta iaitu 22.02% daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus 2015. Sebahagian besar Perbelanjaan Tanggungan ini adalah merupakan bayaran khidmat hutang, iaitu sebanyak RM24,283 juta yang merupakan 50.83% daripada jumlah Perbelanjaan Tanggungan.

Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM169,222 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM2,091 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan) merupakan 77.98% daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus tahun 2015. Kementerian Pendidikan mencatatkan Perbelanjaan Mengurus tertinggi iaitu RM39,336 juta dan diikuti Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang berjumlah RM27,486 juta.


Dari sudut penjenisan Perbelanjaan Mengurus, RM70,050 juta (32.28%) adalah untuk Emolumen, RM36,373 juta (16.76%) untuk perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan, RM1,723 juta (0.79%) untuk Aset, RM107,744 juta (49.65%) untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap (tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan sejumlah RM2,091 juta) dan RM1,108 juta (0.52%) untuk Perbelanjaan-perbelanjaan Lain. Pecahan Perbelanjaan Mengurus mengikut jenis belanja pada tahun 2015 adalah seperti di **Carta 8**.

Bayaran Emolumen pada tahun 2015 meningkat sebanyak 4.63% kepada RM70,050 juta berbanding RM66,947 juta bagi tahun 2014. Kenaikan ini adalah disebabkan imbuhan tahunan dan pemberian khas.

Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan meningkat sebanyak 6.17% kepada RM36,373 juta pada tahun 2015 berbanding RM34,259 juta pada tahun 2014. Perbelanjaan dalam kategori ini adalah perbelanjaan penyelenggaraan, sewaan, kerja-kerja pembaikan, perbelanjaan pengangkutan dan perjalanan, kos utiliti dan pos serta perbelanjaan bekalan pejabat dan bahan mentah.

Carta 8

Pecahan Perbelanjaan Mengurus 2015



Perbelanjaan perolehan Aset pada tahun 2015 yang berjumlah RM1,723 (0.79%) daripada Perbelanjaan Mengurus telah menunjukkan penurunan sebanyak 4.38% berbanding RM1,802 juta pada tahun 2014. Sebahagian besar perbelanjaan aset adalah pembelian peralatan, kerja-kerja pembaikan bangunan dan kemudahan serta pembelian kenderaan bagi jabatan-jabatan Kerajaan.


Perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap merupakan komponen Perbelanjaan Mengurus yang terbesar berjumlah RM107,744 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM2,091 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan) pada tahun 2015. Komponen utama perbelanjaan ini termasuklah pemberian subsidi, pemberian insentif dan bantuan, pemberian kepada Kerajaan Negeri dan Badan Berkanun yang berjumlah RM49,676 juta, perbelanjaan bagi bayaran khidmat hutang pula berjumlah RM24,283 juta manakala, bayaran pencen, elaun bersara dan ganjaran berjumlah RM17,986 juta.

Perbelanjaan Lain pula berjumlah RM1,108 juta pada tahun 2015 yang merangkumi bayaran balik hasil dan hapus kira.

Carta 9 meringkaskan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima (5) tahun. Maklumat lanjut mengenai Perbelanjaan Mengurus boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus**.

Carta 9

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Kerajaan Persekutuan terus memberi tumpuan kepada sumber domestik dalam membuat pinjaman. Pinjaman yang dilaksanakan adalah untuk membiayai defisit dan bayaran balik pinjaman sedia ada. Pada tahun 2015, jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM121,107 juta. Daripada jumlah ini, RM115,804 juta pinjaman telah dibuat melalui sumber dalam negeri berbanding RM108,809 juta pada tahun 2014. Jumlah pinjaman dalam negeri adalah terdiri daripada terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) sebanyak RM54,253 juta dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (TPK) sebanyak RM41,000 juta. Bil Perbendaharaan (BP) merupakan instrumen pinjaman jangka pendek yang diterbitkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pengurusan aliran tunai. Pada tahun 2015, jumlah BP adalah RM12,551 juta. Sementara itu, jumlah pinjaman Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (KWPP) berjumlah RM8,000 juta.

Selepas mengambil kira pembayaran balik RM72,788 juta yang terdiri daripada RM12,165 juta untuk BP, RM43,823 juta bagi SKM, RM12,500 juta bagi TPK, dan RM4,300 juta untuk KWPP, pinjaman bersih dalam negeri adalah RM43,016 juta pada tahun 2015 berbanding dengan RM42,947 juta pada 2014.

Pada tahun 2015, pinjaman luar negeri daripada pinjaman pasaran berjumlah RM5,303 juta melalui terbitan Sukuk Global penanda aras. Sementara itu, Bantuan Luar Negeri bagi pinjaman projek berjumlah RM256 juta pada tahun 2015 berbanding RM274 juta pada tahun 2014. Maklumat lanjut mengenai Akaun Pinjaman Disatukan boleh dirujuk kepada **Nota 6, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Pinjaman Dalam Negeri

Pada tahun 2015, jumlah keseluruhan terbitan BP adalah RM12,551 juta. Sepanjang tahun 2015, BP yang dikeluarkan telah digunakan bagi membiayai bil yang matang berjumlah RM12,165 juta. Oleh itu, dana bersih yang diperoleh daripada pengeluaran BP berjumlah RM386 juta.

Terbitan TPK adalah bagi memenuhi permintaan terhadap Kertas Kerajaan berdasarkan prinsip Islam. Pada tahun 2015, sejumlah RM41,000 juta TPK telah diterbitkan yang membolehkan Kerajaan memperoleh dana bersih sebanyak RM28,500 juta. Sebagai perbandingan, pada tahun 2014, sebanyak RM33,500 juta TPK telah diterbitkan dengan dana bersih berjumlah RM13,000 juta.

SKM terus menjadi sumber utama pinjaman dalam negeri Kerajaan Persekutuan, merangkumi 57% daripada jumlah pinjaman dalam negeri kasar pada tahun 2015 berbanding 63.1% pada tahun 2014. Daripada RM54,253 juta yang diterbitkan, sebanyak RM43,823 juta digunakan untuk menebus SKM yang matang pada tahun tersebut. Dengan mengambil kira penebusan SKM ini, pinjaman bersih SKM adalah sebanyak RM10,430 juta berbanding RM24,557 juta pada tahun 2014.

Pinjaman untuk membiayai operasi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (KWPP) adalah berjumlah RM8,000 juta pada tahun 2015

berbanding RM11,500 juta pada tahun 2014. Setelah mengambil kira bayaran balik Skim Pinjaman Perumahan Kerajaan (SPPK) sebanyak RM4,300 juta, pinjaman bersih bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM3,700 juta berbanding RM5,400 juta pada tahun 2014.

TPK dilaksanakan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] dan SKM di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]. Pada masa kini, jumlah siling bagi kedua-dua akta tersebut adalah tidak melebihi 55% daripada jumlah KDNK.

Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri

Kerajaan sentiasa memastikan pengurusan hutang yang berhemat dengan mengawal peningkatan hutang luar negeri bagi mengurangkan pendedahan terhadap risiko pertukaran mata wang asing. Pada tahun 2015, pinjaman luar negeri kasar adalah daripada terbitan pinjaman pasaran berjumlah RM5,303 juta, manakala bantuan luar negeri bagi pinjaman projek adalah berjumlah RM256 juta. Pinjaman pasaran dibuat melalui terbitan Sukuk Global. Pinjaman projek pula dibuat melalui pengeluaran pinjaman projek sedia ada daripada sumber dua hala (RM256 juta) dan pelbagai hala. Dengan mengambil kira bayaran balik pinjaman sebanyak RM4,832 juta, pinjaman luar negeri bersih mencatatkan aliran keluar bersih sebanyak RM727 juta.

Pinjaman Luar Negeri dilaksanakan berdasarkan kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]. Pada masa kini, nilai siling di bawah akta tersebut adalah RM35 bilion. **Carta 10** menunjukkan pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima (5) tahun.


AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Pada 31 Disember 2015, Akaun Amanah Disatukan menunjukkan baki kredit berjumlah RM8,478 juta berbanding baki debit RM10,614 juta

Carta 10

Pinjaman Bersih Kerajaan Persekutuan



pada 31 Disember 2014. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM12,056 juta atau 22.36% dan peningkatan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM6,698 juta atau 28.77% berbanding baki kumpulan wang masing-masing pada tahun 2014.

Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 7, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dikelaskan kepada:

- Kumpulan Wang Pembangunan;
- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan; dan
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan merupakan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan

1966 [Akta 406] bagi tujuan pembangunan ekonomi negara.

Pada tahun 2015, terdapat peningkatan ketara sehingga membawa kepada lebih semasa kumpulan wang ini kepada RM12,055 juta berbanding dengan kurangan semasa RM13,376 juta pada tahun 2014. Ini disebabkan pada tahun 2015, pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak RM49,249 juta adalah lebih tinggi berbanding tahun 2014 sebanyak RM23,976 juta. Ini secara langsung telah meningkatkan terimaan kumpulan wang kepada RM52,823 juta berbanding RM26,127 juta pada tahun 2014. Pada tahun 2015, Perbelanjaan Pembangunan juga meningkat sebanyak 3.20% kepada RM40,768 juta berbanding RM39,503 juta pada tahun 2014. Kurangan terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan penurunan sebanyak 22.36% kepada RM41,856 juta dalam tahun 2015 berbanding RM53,912 juta pada tahun 2014.

Caruman dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM2,091 juta pada tahun 2015 berbanding pindahan sejumlah RM1,037 juta pada tahun 2014. Jumlah pindahan ini merupakan lebih hasil berbanding Perbelanjaan Mengurus bagi tahun semasa.

Pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan berjumlah RM49,249 juta adalah termasuk Sekuriti Kerajaan Malaysia sebanyak RM24,337 juta yang merupakan punca pembiayaan utama Kumpulan Wang Pembangunan.

Terimaan balik pinjaman berjumlah RM1,233 juta adalah termasuk pelarasan dan penukaran pinjaman kepada ekuiti serta pelarasan perbezaan pertukaran mata wang asing. Pelbagai terimaan pada tahun 2015 meningkat dengan ketara kepada RM250 juta berbanding dengan RM6 juta pada tahun 2014.

Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(i), Nota Kepada Penyata Kewangan.**


Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2015 berjumlah RM40,768 juta iaitu 94.75% daripada jumlah peruntukan dipinda berjumlah RM43,025 juta. Daripada jumlah ini, perbelanjaan cara langsung adalah RM38,596 juta, manakala perbelanjaan pinjaman berjumlah RM2,172 juta.

Carta 11 meringkaskan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima (5) tahun.

Carta 11

Perbelanjaan Pembangunan



Perbelanjaan Pembangunan cara langsung meningkat sebanyak 2.58% kepada RM38,596 juta bagi tahun 2015 berbanding dengan RM37,624 juta pada tahun 2014. Perbelanjaan pinjaman kepada agensi sektor awam daripada Kumpulan Wang Pembangunan juga meningkat sebanyak 15.59% kepada RM2,172 juta pada tahun 2015 berbanding dengan RM1,879 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini disebabkan kebanyakan projek dan program di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) telah dilaksanakan sepenuhnya oleh kementerian. Kementerian yang mencatatkan perbelanjaan yang tinggi adalah Jabatan Perdana Menteri (RM10,238 juta),

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (RM4,291 juta), Kementerian Pertahanan (RM3,611 juta), Kementerian Kerja Raya (RM3,164 juta), Kementerian Pengangkutan (RM2,274 juta), Kementerian Pendidikan Tinggi (RM2,574 juta) dan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (RM1,811 juta).

Dari sudut penjenisan perbelanjaan mengikut sektor, perbelanjaan bagi sektor ekonomi pada tahun 2015 berjumlah RM23,286 juta atau 57.12% daripada jumlah keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan 2015. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah di bawah sub sektor pengangkutan (RM6,693 juta), perdagangan dan perindustrian (RM5,638 juta), tenaga dan kemudahan-kemudahan awam (RM3,637 juta), pertanian dan pembangunan luar bandar (RM3,105 juta) serta kewangan (RM364 juta).

Perbelanjaan bagi sektor sosial pula berjumlah RM11,161 juta atau 27.38% daripada keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan tahun 2015. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah bagi perbelanjaan sub sektor pendidikan dan latihan (RM4,759 juta), perumahan (RM2,007 juta), kesihatan dan kependudukan (RM1,442 juta) serta pembangunan masyarakat dan desa (RM1,201 juta).

Perbelanjaan bagi sektor keselamatan yang berjumlah RM4,754 juta merupakan 11.66% daripada keseluruhan Perbelanjaan Pembangunan tahun 2015. Sebanyak RM4,078 juta daripadanya merupakan perbelanjaan sektor pertahanan untuk penyediaan kemudahan dan pembelian peralatan ketenteraan. Sebanyak RM676 juta pula dibelanjakan untuk menampung perbelanjaan bagi agensi yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri.

Perbelanjaan bagi sektor pentadbiran am berjumlah RM1,567 juta atau 3.84% daripada Perbelanjaan Pembangunan tahun 2015. Perbelanjaan ini termasuklah perbelanjaan pembaikan dan pengubahsuaian, kemudahan

dasar bangunan dan perkhidmatan serta kelengkapan komputer untuk jabatan-jabatan Kerajaan.

Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Lampiran 2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan.**


Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Sumber kewangan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (KWPP) terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diterima melalui pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan dan terimaan bayaran balik pinjaman perumahan.

Pada 31 Disember 2015, baki KWPP berjumlah RM1,784 juta berbanding RM1,239 juta pada akhir tahun 2014. Untuk tahun 2015, jumlah kutipan bayaran balik pinjaman adalah sebanyak RM5,843 juta manakala pengeluaran wang pinjaman adalah sebanyak RM8,666 juta. **Carta 12** menunjukkan ringkasan jumlah kutipan bayaran balik dan pengeluaran pinjaman bagi tempoh 2011 – 2015.

Carta 12

Kutipan Bayaran Balik Pinjaman dan Pengeluaran KWPP




Pada tahun 2015, sejumlah RM10,000 juta dana telah disuntik masuk ke dalam KWPP di mana RM8,000 juta diperolehi melalui terbitan Sukuk pinjaman perumahan manakala RM2,000 juta lagi merupakan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan.

Pembiayaan yang diperolehi digunakan untuk membiayai operasi KWPP termasuk membayar balik nilai pokok pinjaman dari institusi kewangan. Pada tahun 2015, sebanyak RM4,300 juta digunakan untuk tujuan membayar balik pokok pinjaman yang telah matang. **Carta 13** menunjukkan ringkasan bayaran balik pinjaman bagi tempoh 2011-2015.

Carta 13

Pembayaran Balik Pinjaman



Mulai 1 Januari 2016, Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya Bahagian Pinjaman Perumahan di bawah Kementerian Kewangan yang menguruskan operasi KWPP diperbadankan sebagai sebuah badan berkanun yang dinamakan sebagai Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

LPPSA akan mengambil alih sepenuhnya fungsi dan operasi pinjaman perumahan kerajaan sektor awam yang kini dilaksanakan oleh BPP.

Kemudahan yang dinikmati oleh penjawat awam seperti jumlah kelayakan pinjaman, kadar faedah yang rendah dan kemudahan-kemudahan lain adalah dikekalkan. Berkuatkuasa pada 1 Januari 2016, semua baki KWPP akan dikosongkan dan dipindahkan ke LPPSA.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan


Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terbahagi kepada lima kategori utama iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Kumpulan Wang Yang Lain yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Pada 31 Disember 2015, sejumlah 168 akaun telah diselia berbanding 156 akaun pada tahun 2014. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah telah menunjukkan peningkatan sebanyak RM6,698 juta (28.77%) berbanding baki pada akhir tahun 2014, iaitu peningkatan dari RM23,282 juta kepada RM29,980 juta.

Carta 14 menunjukkan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengikut kategori pada tahun 2015.

Carta 14

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Mengikut Kategori Akaun 2015



Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 7(a) (iii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**


Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam terbahagi kepada dua iaitu Amanah Am yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Amanah Khas yang diperuntukkan di bawah akta yang berkaitan.

Pada 31 Disember 2015, sebanyak 329 akaun Kumpulan Wang Amanah Awam telah diselia berbanding 353 akaun pada tahun 2014 dengan baki berjumlah RM9,456 juta. Baki pada tahun 2015 bagi Amanah Am dan Amanah Khas masing-masing berjumlah RM6,750 juta dan RM2,706 juta berbanding RM7,903 juta dan RM676 juta pada tahun 2014. Daripada RM6,750 juta baki Amanah Am sebanyak RM1,429 juta adalah baki Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta (Akaun Amanah PFI I) manakala RM1,737 juta adalah baki Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta (Akaun Amanah PFI II).

Carta 15

Kumpulan Wang Amanah Awam 2015



Carta 15 menunjukkan pecahan baki Kumpulan Akaun Amanah Awam pada akhir tahun 2015.


Kerajaan telah mewujudkan Akaun Amanah Inisiatif dan Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta dengan peruntukan sebanyak RM20,000 juta untuk Akaun Amanah PFI I dan RM10,000 juta untuk Akaun Amanah PFI II bagi membiayai 883 program dan projek Kerajaan. Perbelanjaan Akaun Amanah PFI I berjumlah RM300 juta dan perbelanjaan Akaun Amanah PFI II berjumlah RM1,290 juta.

Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara untuk merekodkan urusan terimaan sebelum tuntutan bayaran atau pelarasan dibuat. **Carta 16** menunjukkan jumlah baki deposit bagi tahun 2015 mengikut kategori.

Carta 16

Deposit Mengikut Kategori 2015



Pada tahun 2015, jumlah deposit yang dipegang oleh kerajaan telah menurun sebanyak RM1,084 juta (10.63%) kepada RM9,113 juta berbanding RM10,197 juta pada tahun 2014. Daripada jumlah ini, sebanyak RM8,650 juta (94.92%) merupakan Deposit Am, manakala sebanyak RM463 juta (5.08%) adalah Deposit Pelarasan.

Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 7(c), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penerimaan Wang Tunai

Kerajaan Persekutuan mencatatkan lebih wang tunai sebanyak RM5,546 juta pada tahun 2015. Ini adalah disebabkan jumlah terimaan RM342,170 juta melebihi bayaran berjumlah RM336,624 juta. Wang Tunai pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM22,973 juta.

Jumlah terimaan RM342,170 juta terdiri daripada Hasil berjumlah RM219,088 juta (64.03%), Pinjaman berjumlah RM121,108 juta (35.39%), Bantuan Luar Negeri berjumlah RM256 juta (0.08%), Terimaan Modal berjumlah RM1,030 juta (0.30%) dan Terimaan Amanah berjumlah RM688 juta (0.20%).

Jumlah hasil tahun 2015 yang diterima merangkumi RM165,441 juta (75.51%) Hasil Cukai, RM51,466 juta (23.49%) Hasil Bukan Cukai, RM1,290 juta (0.59%) Terimaan Bukan Hasil dan RM891 juta (0.41%) Hasil Wilayah Persekutuan.

Jumlah terimaan pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 berjumlah RM121,108 juta yang mana RM115,804 (95.62%) adalah daripada Pinjaman Dalam Negeri dan

RM5,304 juta (4.38%) adalah daripada Pinjaman Luar Negeri. Terimaan Bantuan Luar Negeri adalah merupakan terimaan bagi Pinjaman Bilateral berjumlah RM256 juta.

Terimaan Modal yang berjumlah RM1,030 juta adalah terdiri daripada Terimaan Balik Pinjaman sebanyak RM780 juta (75.73%), Jualan Aset Modal sebanyak RM0.01 juta (0.01%) dan Pelbagai Terimaan Modal berjumlah RM250 juta (24.26%).

Terimaan Amanah sebanyak RM688 juta pada tahun 2015 adalah terdiri daripada Akaun Amanah PFI I RM56 juta (8.14%), Akaun Amanah PFI II RM154 juta (22.38%) dan Pelbagai Terimaan Amanah RM478 juta (69.48%).

Pembayaran Wang Tunai

Jumlah bayaran Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 pula adalah sebanyak RM336,624 juta. Komponen bayaran terdiri daripada Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM215,045 juta (63.88%), Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM40,768 juta (12.11%), bayaran balik Pinjaman berjumlah RM77,208 juta (22.94%) yang terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri (RM72,788 juta) dan Pinjaman Luar Negeri (RM4,420 juta), bayaran Bantuan Luar Negeri berjumlah RM410 juta (0.12%) yang terdiri daripada Pinjaman Multilateral (RM128 juta) dan Pinjaman Bilateral (RM282 juta) dan Perbelanjaan Modal berkaitan pembelian Instrumen Kewangan berjumlah RM1,865 juta (0.55%).

Perbelanjaan Amanah bagi tahun 2015 pula adalah sebanyak RM1,328 juta (0.40%), yang terdiri daripada bayaran Akaun Amanah PFI I sebanyak RM296 juta dan Akaun Amanah PFI II berjumlah RM1,032 juta.

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan ditunjukkan dalam **Jadual 3.**


Jadual 3
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Perihal	2015 RM juta	2014 RM juta
Terimaan		
Hasil	219,088	219,075
Pinjaman	121,108	108,809
Bantuan Luar Negeri	256	249
Terimaan Modal	1,030	1,713
Terimaan Amanah	688	164
Jumlah Terimaan	342,170	330,010
Bayaran		
Perbelanjaan Mengurus <i>(tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)</i>	(215,045)	(216,491)
Perbelanjaan Pembangunan	(40,768)	(39,469)
Pinjaman	(77,208)	(65,861)
Bantuan Luar Negeri	(410)	(625)
Perbelanjaan Modal	(1,865)	-
Perbelanjaan Amanah	(1,328)	(15,188)
Jumlah Bayaran	(336,624)	(337,634)
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai	5,546	(7,624)
Wang Tunai pada 1 Januari	17,427	25,051
Wang Tunai pada 31 Disember	22,973	17,427

awam kos rendah, memajukan sektor pertanian, industri kecil sederhana, teknologi maklumat dan pembiayaan pinjaman modal untuk aktiviti menambahkan pendapatan. Usaha ini adalah untuk menggalakkan sektor yang berpotensi untuk dimajukan dan berupaya mengukuhkan ekonomi negara bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

Pinjaman Boleh Dituntut terdiri daripada Pinjaman Persekutuan dan kemudahan pinjaman kepada penjawat awam. Pinjaman Persekutuan adalah pinjaman yang diberikan kepada Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun, Koperasi, Syarikat dan pelbagai agensi. Manakala kemudahan pinjaman kepada penjawat awam adalah pinjaman perumahan, pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan.

Kedudukan baki dan kadar perubahan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 17** dan **Jadual 4**.

Carta 17
Pinjaman Boleh Dituntut


PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Persekutuan yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan, manakala Liabiliti pula terdiri daripada Hutang Persekutuan dan Pelbagai Liabiliti.

ASET

Pinjaman Boleh Dituntut

Sebagai salah satu langkah bagi meningkatkan keupayaan produktiviti ekonomi, Kerajaan telah menyediakan kemudahan pinjaman kepada sektor terpilih sebagai pelaburan strategik. Bidang keutamaan yang disalurkan dana dalam bentuk pinjaman ini termasuklah bagi tujuan penyediaan keperluan asas seperti bekalan air dan perumahan


Jadual 4
Kadar Perubahan Pinjaman Boleh Dituntut

Tahun	2011	2012	2013	2014	2015
Pinjaman Boleh Dituntut (RM Juta)	88,838	95,493	92,445	99,036	105,733
Kadar Perubahan (%)	17.9%	17.5%	13.2%	17.1%	16.8%

Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM105,733 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM6,697 (6.76%) berbanding RM99,036 juta pada tahun 2014. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM51,103 juta (48.33%) adalah baki pinjaman belum selesai peminjam Perseorangan, RM28,956 juta (27.39%) Syarikat, RM16,933 juta (16.01%) Kerajaan Negeri, RM6,358 juta (6.01%) Badan Berkanun, RM1,731 juta (1.64%) Pelbagai Yayasan, Pertubuhan dan Agensi, RM444 juta (0.42%) Pihak Berkuasa Tempatan dan selebihnya RM208 juta (0.20%) Koperasi. Baki Pinjaman Boleh Dituntut mengikut kategori peminjam bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 18**.

Carta 18


Pinjaman Boleh Dituntut 2015



Pengeluaran Pinjaman Persekutuan yang diluluskan pada tahun 2015 adalah sebanyak RM3,490 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM1,491 juta atau 74.59% daripada RM1,999 juta pada tahun 2014. Bagi tahun 2015, pengeluaran Pinjaman Persekutuan yang terbesar adalah kepada Syarikat sebanyak RM2,155 juta (61.75%) diikuti oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM1,150 juta (32.95%), Badan Berkanun sebanyak RM105 juta (3.01%), Koperasi sebanyak RM50 juta (1.43%) dan Pelbagai sebanyak RM30 juta (0.86%). **Carta 19** memberikan gambaran ringkas perbandingan jumlah pengeluaran Pinjaman Persekutuan bagi tahun 2015 dan 2014.

Carta 19


Pengeluaran Pinjaman Persekutuan



Pengeluaran tahun semasa Pinjaman Persekutuan melibatkan projek bekalan air, sektor pertanian, pinjaman modal, infrastruktur, perindustrian dan pelbagai. Butiran pengeluaran pinjaman mengikut sektor adalah seperti di **Carta 20**.

Carta 20

Pengeluaran Pinjaman Persekutuan Mengikut Sektor 2015




Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi Pinjaman Perseorangan pada 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM51,103 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak RM7,042 juta (15.98%) berbanding RM44,061 juta pada tahun 2014. Penyumbang kenaikan terbesar adalah daripada pinjaman perumahan di mana terdapat peningkatan bersih jumlah pinjaman yang belum selesai setelah ditolak terimaan bayaran balik pokok pinjaman daripada peminjam untuk tahun 2015. Ini diikuti dengan pinjaman komputer di mana terdapat peningkatan permohonan baru sepanjang tahun 2015.

Bayaran balik Pinjaman Persekutuan tahun 2015 pula berkurang sebanyak RM152 juta (8.32%) kepada RM1,674 juta berbanding RM1,826 juta pada tahun 2014. Bayaran balik Pinjaman Persekutuan yang terbesar adalah daripada Syarikat sebanyak RM1,146 juta (68.46%) diikuti Kerajaan Negeri sebanyak RM434 juta (25.92%), Badan Berkanun sebanyak RM56 juta (3.35%) dan RM38 juta (2.27%) daripada Koperasi, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pelbagai. Perbandingan jumlah bayaran balik Pinjaman Persekutuan bagi tahun 2015 dan 2014 adalah seperti di **Carta 21**.

Carta 21
Bayaran Balik Pinjaman Persekutuan


Jumlah tuntutan tahun semasa bagi Syarikat adalah sebanyak RM2,131 juta manakala bayaran balik adalah sebanyak RM1,146 juta menjadikan peratus bayaran balik pinjaman berbanding tuntutan adalah sebanyak 53.78%. Manakala bagi Kerajaan Negeri pula, jumlah tuntutan adalah sebanyak RM864 juta dengan bayaran balik yang dibuat adalah sebanyak RM434 juta, justeru prestasi bayaran balik tahun semasa berbanding tuntutan adalah sebanyak 50.23%. Seterusnya bagi Badan Berkanun pula, jumlah tuntutan adalah sebanyak RM400 juta manakala bayaran balik adalah sebanyak RM56 juta, menjadikan peratus bayaran balik pinjaman berbanding tuntutan adalah sebanyak 14.00%. Selebihnya jumlah tuntutan bagi Koperasi, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pelbagai adalah sebanyak RM98 juta dengan bayaran balik yang dibuat adalah sebanyak RM38 juta menjadikan prestasi bayaran balik tahun semasa berbanding tuntutan adalah sebanyak 38.78%. Perbandingan jumlah tuntutan dan bayaran balik Pinjaman Persekutuan bagi tahun 2015 adalah seperti di **Carta 22**.

Carta 22
Tuntutan dan Bayaran Balik Pinjaman Persekutuan 2015


Jumlah tuntutan tahun 2015 bagi Pinjaman Persekutuan berjumlah RM3,493 juta manakala bayaran balik adalah sebanyak RM1,674 juta.

Kerajaan Persekutuan telah mewujudkan struktur pembiayaan dan terma bersesuaian bagi pinjaman yang diberikan kepada agensi dari sektor terpilih. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan masih menghadapi risiko terutamanya dari segi risiko ketidakpastian iaitu keupayaan pembayaran balik pinjaman dan daya maju

industri yang diceburi peminjam bagi menjana aliran tunai. Sehubungan itu, perancangan teliti, pemantauan berterusan dan struktur pembiayaan yang berkesan adalah perlu bagi memastikan pelaburan strategik ini kekal sebagai salah satu agenda bagi meningkatkan keupayaan produktiviti ekonomi dalam usaha kerajaan untuk mencapai status negara maju dan rakyat berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 8(a), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 3 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut.**

Memorandum Pelaburan


Pelaburan di dalam Syarikat, Badan Berkanun dan Agensi Antarabangsa adalah merupakan sebahagian daripada aset kewangan Kerajaan Persekutuan. Pelaburan ini dipertanggungjawabkan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Pembangunan dan tidak dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Namun begitu, pegangan ekuiti Kerajaan Persekutuan dalam agensi-agensi tersebut dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum Pelaburan.

Pada 31 Disember 2015, Kerajaan Persekutuan mempunyai kepentingan di dalam 111 agensi yang terdiri daripada satu (1) Agensi Antarabangsa, enam (6) Badan Berkanun dan 104 Syarikat dengan nilai pelaburan berjumlah RM30,316 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM38 juta (0.13%) adalah pelaburan dalam Agensi Antarabangsa, RM1,219 juta (4.02%) dalam Badan Berkanun dan RM29,059 juta (95.85%) dalam Syarikat. **Carta 23** menunjukkan pecahan amaun pelaburan Kerajaan Persekutuan mengikut entiti pada 31 Disember 2015.

Pada tahun 2015, jumlah pelaburan adalah sebanyak RM30,316 juta mencatatkan peningkatan sebanyak RM108 juta (0.36%) berbanding RM30,208 juta pada tahun 2014. Peningkatan tersebut disumbangkan sepenuhnya oleh pertambahan amaun pelaburan dalam ekuiti Syarikat sepanjang tahun 2015. Tiada perubahan pada nilai pelaburan di dalam Agensi Antarabangsa dan Badan Berkanun di antara tahun 2015 dan 2014. **Carta 24** menunjukkan perbandingan amaun pelaburan di antara tahun 2015 dan 2014.


Carta 23

Pelaburan Kerajaan Persekutuan Mengikut Entiti 2015



Carta 24

Pelaburan Kerajaan Persekutuan



Sepanjang tahun 2015, terdapat pertambahan ekuiti yang dipegang oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM446 juta yang melibatkan sepuluh (10) buah syarikat dan pengurangan di dalam pegangan saham bernilai RM338 juta bagi empat (4) buah syarikat. Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) masih kekal sebagai penyumbang utama kepada dividen pelaburan dengan nilai dividen sebanyak RM26,000 juta daripada jumlah keseluruhan dividen pelaburan sebanyak RM30,882 juta bagi tahun 2015.

Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 8(b), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan.**

LIABILITI

Hutang Kerajaan Persekutuan

Dalam misi untuk memastikan kelangsungan pembangunan negara, terdapat keperluan bagi Kerajaan Persekutuan mendapatkan sumber kewangan melalui Hutang Persekutuan bagi menampung defisit fiskal. Pengawalan terhadap paras hutang merupakan salah satu isu yang diberikan perhatian oleh Kerajaan dalam lanskap ekonomi semasa yang mencabar di samping terus memastikan kesinambungan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan infrastruktur berteraskan kesejahteraan rakyat.

Kedudukan Hutang Persekutuan pada 31 Disember 2015 adalah berjumlah RM630,540 juta. Angka ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM47,712 juta (8.19%) berbanding RM582,828 juta pada tahun 2014. Sebanyak 96.59% daripada Hutang Persekutuan didominasi oleh sumber dalam negeri iaitu sebanyak RM609,063 juta manakala RM21,477 juta (3.41%) adalah daripada sumber luar negeri. Perbandingan kedudukan Hutang Persekutuan bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 25** dan **Jadual 5**.

Carta 25

Kedudukan Hutang Persekutuan




Jadual 5
Kedudukan Hutang Persekutuan Mengikut Sumber

Tahun	Dalam Negeri (RM Juta)	%	Luar Negeri (RM Juta)	%	Jumlah (RM Juta)
2011	438,025	96.03	18,103	3.97	456,128
2012	484,769	96.64	16,848	3.36	501,617
2013	523,095	96.90	16,762	3.10	539,857
2014	566,052	97.12	16,776	2.88	582,828
2015	609,063	96.59	21,477	3.41	630,540

Peratus Hutang Persekutuan berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2015 adalah terkawal pada kadar 54.50% yang menunjukkan sedikit peningkatan berbanding 54.06% pada 2014. Perbandingan nisbah Hutang Persekutuan dan KDNK bagi tempoh 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 26**.

Carta 26


Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK



Kos Hutang Persekutuan bagi tahun 2015 meningkat sebanyak 7.50% kepada RM24,283 juta berbanding RM22,588 juta pada 2014. Jumlah ini merangkumi perbelanjaan pembayaran faedah, diskaun atas sekuriti hutang, caj komitmen dan bayaran pengurusan bagi mendapatkan pinjaman. **Carta 27** menunjukkan perbelanjaan kos hutang bagi tahun 2011 hingga 2015.

Carta 27

Kos Hutang Persekutuan




Pinjaman dalam negeri merangkumi terbitan sekuriti hutang iaitu Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk Perumahan Kerajaan serta pinjaman berjangka bagi Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Pada tahun 2015, Sekuriti Kerajaan Malaysia merupakan instrumen terbesar hutang daripada sumber dalam negeri iaitu sebanyak RM340,063 juta (55.83%), meningkat sebanyak RM10,431 juta berbanding tahun 2014. Ini diikuti Terbitan Pelaburan Kerajaan dengan jumlah RM214,000 juta (35.14%) yang juga meningkat sebanyak RM28,500 juta berbanding tahun 2014. Pinjaman Berjangka Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan menurun kepada RM21,900 juta (3.60%) berbanding RM26,200 juta pada tahun 2014. Sukuk Perumahan Kerajaan (4.66%) sebaliknya meningkat daripada RM20,400 juta kepada RM28,400 juta pada tahun 2015. Baki 0.77% merupakan Bil Perbendaharaan jangka pendek dengan jumlah RM4,700 juta. **Jadual 6** dan **Carta 28** memberi gambaran ringkas kedudukan Hutang Persekutuan mengikut sumber pinjaman dalam negeri bagi tahun 2015 dan 2014.

Jadual 6
Jumlah dan Peratusan Pinjaman Dalam Negeri mengikut Instrumen

Instrumen	2015 (RM Juta)	%	2014 (RM Juta)	%
Bil Perbendaharaan	4,700	0.77	4,320	0.77
Terbitan Pelaburan Kerajaan	214,000	35.14	185,500	32.77
Sekuriti Kerajaan Malaysia	340,063	55.83	329,632	58.23
Pinjaman Berjangka Pinjaman Perumahan	21,900	3.60	26,200	4.63
Sukuk Perumahan Kerajaan	28,400	4.66	20,400	3.60
Jumlah	609,063	100.0	566,052	100.0

Carta 28

Pinjaman Dalam Negeri




Pegangan bukan pemastautin bagi sekuriti hutang dalam negeri meningkat daripada RM151,377 juta (28.04%) kepada RM177,114 juta (30.16%) pada 31 Disember 2015. Perbandingan pegangan pemastautin bagi sekuriti hutang dalam negeri adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Pegangan Pemastautin dan Bukan Pemastautin Sekuriti Hutang Dalam Negeri 2015


Sekuriti Hutang	Pemastautin (RM Juta)	%	Bukan Pemastautin (RM Juta)	%	Jumlah (RM Juta)
Bil. Perbendaharaan	1,365	29.04	3,335	70.96	4,700
Terbitan Pelaburan Kerajaan	202,372	94.57	11,628	5.43	214,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	177,917	52.32	162,146	47.68	340,063
Sukuk Perumahan Kerajaan	28,395	99.98	5	0.02	28,400
Jumlah (RM Juta)	410,049	69.84	177,114	30.16	587,163

Hutang dari instrumen luar negeri pada tahun 2015 kekal rendah pada kadar 3.41% daripada keseluruhan Hutang Persekutuan iaitu sebanyak RM21,477 juta. Kesemua instrumen hutang luar negeri dilaporkan dalam nilai setara Ringgit Malaysia pada 31 Disember 2015. Pinjaman pasaran luar negeri yang merupakan terbitan Sukuk Global adalah komponen utama instrumen hutang luar negeri. Dengan terbitan baharu bernilai USD1.50 bilion berbanding yang matang bernilai USD1.25 bilion, nilai setara sekuriti hutang luar negeri tersebut meningkat kepada RM15,179 juta berbanding RM11,469 juta pada 2014. Selain itu, penyusutan nilai Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dollar Amerika Syarikat (USD) juga memberi kesan kepada kenaikan ini. Kedudukan nilai sekuriti hutang luar negeri bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 29**.

Selain itu, Bantuan Luar Negeri yang merupakan pinjaman bersindiket dari institusi kewangan antarabangsa (Multilateral) dan Kerajaan asing (Bilateral) meningkat kepada RM6,298 juta pada tahun 2015 berbanding RM5,307 juta pada 2014. Jumlah tersebut terdiri daripada Pinjaman Multilateral berjumlah RM647 juta (10.27%) dan Pinjaman Bilateral berjumlah RM5,651 juta (89.73%). Perbandingan baki belum selesai bagi Bantuan Luar Negeri dari tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 8** dan **Carta 30**.

Carta 29
Nilai Setara Pinjaman Pasaran Luar Negeri

Jadual 8
Perbandingan Baki Bantuan Luar Negeri

Jenis Pinjaman	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Pinjaman Multilateral	738	712	721	656	647
Pinjaman Bilateral	6,962	6,083	5,250	4,651	5,651
Jumlah (RM Juta)	7,700	6,795	5,971	5,307	6,298

Carta 30
Bantuan Luar Negeri


Maklumat lanjut Hutang Persekutuan boleh dirujuk di **Nota 9(a), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 5 Penyata Memorandum Hutang Persekutuan.**

Pelbagai Liabiliti


Jumlah pelbagai liabiliti yang terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat pada 31 Disember 2015 berjumlah RM710 juta. Angka ini menunjukkan peningkatan berbanding RM318 juta pada tahun 2014. Faktor peningkatan ini adalah disebabkan oleh pertambahan jumlah Nota Kena Bayar pada akhir 2015 yang berjumlah RM672 juta, meningkat sebanyak RM391 juta (139.15%) berbanding RM281 juta pada 2014. Walau bagaimanapun, peningkatan ini tidak memberikan risiko yang besar kepada Kerajaan kerana ia merupakan pertambahan amaun *Securities Custody Account* yang dipegang bagi pihak Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Penubuhan Pembangunan Antarabangsa (IDA) atas sekuriti Hutang Kerajaan yang telah dilanggan.

Lain-lain item pelbagai liabiliti tidak menunjukkan perubahan yang ketara berbanding tahun 2014. Sekuriti Tidak Dituntut yang diserahkan kepada Akauntan Negara Malaysia menurut peruntukan Seksyen 65 Akta Pemegang Amanah 1949, Seksyen 36 Akta Syarikat Amanah 1949 dan Seksyen 353 Akta Syarikat 1965 menunjukkan sedikit peningkatan daripada RM23 juta pada 2014 kepada RM24 juta. Akaun Depositori Pusat (CDS) yang merujuk kepada sekuriti yang dikreditkan ke akaun CDS Kementerian Kewangan Malaysia selaras dengan peruntukan Seksyen 14, 29 dan 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No.2) 1998 (SICDA) tidak mencatatkan sebarang perubahan dengan jumlah RM14 juta pada tahun 2014 dan 2015. Akauntan Negara Malaysia bertindak bagi pihak Kerajaan selaku pemegang amanah atas Sekuriti Tidak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat dan ini tidak melibatkan sebarang risiko dan ketidaktentuan yang material.

Perbandingan baki Pelbagai Liabiliti mengikut komponen di antara tahun 2015 dan 2014 adalah seperti di **Carta 31.**

Carta 31

Pelbagai Liabiliti



Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 9(b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Liabiliti Luar Jangka

Liabiliti Luar Jangka akan menjadi liabiliti sebenar Kerajaan sekiranya entiti berkenaan gagal memenuhi obligasi perjanjian atau berlaku sesuatu peristiwa tertentu.

Maklumat lanjut boleh dirujuk kepada **Nota 10, Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 6 Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun.**

MENUJU KEHADAPAN

Secara keseluruhannya, Kerajaan Persekutuan terus komited dalam meningkatkan disiplin perbelanjaan dengan memberi fokus kepada kecekapan dan keberkesanan kos, lebih-lebih lagi dalam usaha mengharungi pelbagai cabaran dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu termasuk harga komoditi rendah yang berpanjangan dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Komitmen ini dapat dicerminkan dengan pengurangan defisit fiskal kepada 3.22% pada tahun 2015 berbanding 3.38% pada tahun 2014.

Hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 menurun sebanyak 0.70% terutamanya disebabkan oleh penyusutan hasil Kerajaan berkaitan petroleum dan juga pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan pada tahun 2015 (KDNK 2015: 5%) berbanding tahun 2014 (KDNK 2014: 6%). Walau bagaimanapun, pelaksanaan cukai GST mulai 1 April 2015 sedikit sebanyak berjaya mengimbangi impak penurunan harga minyak mentah ke atas jumlah keseluruhan hasil Kerajaan. Jumlah perbelanjaan keseluruhan turut menurun sebanyak 0.51% dengan Perbelanjaan Mengurus berkurang sebanyak 1.18% terutamanya disebabkan pengurangan jumlah perbelanjaan subsidi. Walau bagaimanapun, Perbelanjaan Pembangunan meningkat sebanyak 3.20%. Hutang Kerajaan Persekutuan pula kekal di bawah paras berhemat iaitu 54.50% daripada KDNK.

Mengambil kira pertumbuhan ekonomi yang perlahan pada tahun 2015 dan sejajar dengan strategi rasionalisasi perbelanjaan, Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif mengawal perbelanjaan termasuk rasionalisasi subsidi secara beransur-ansur melalui mekanisme lebih bersasar, perolehan yang lebih kos efektif dan menambah baik perkhidmatan awam serta menggalakkan entiti kerajaan lebih berdikari dari segi kewangan dan mengurangkan kebergantungan kepada geran Kerajaan.

Sehubungan itu, tumpuan terhadap pelaksanaan langkah-langkah di atas dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara, menggalakkan potensi pengeluaran ekonomi domestik serta memperkukuhkan kewangan Kerajaan dalam usaha mencapai status Negara Maju menjelang tahun 2020.



PENYATA KEWANGAN

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2015





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2015, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia. Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab menetapkan kawalan dalaman yang perlu diwujudkan bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan yang disediakan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit terhadap amaun yang dilaporkan dan pendedahan mengenainya dalam penyata kewangan. Pemilihan prosedur Audit termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada

penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan adalah bergantung kepada pertimbangan juruaudit. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai oleh pihak berkuasa kewangan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi menyatakan pendapat saya mengenai penyata kewangan ini.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2015 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Pelaporannya adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.




(TAN SRI HJ. AMBRIN BIN BUANG)

**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

PUTRAJAYA
14 APRIL 2016



GLOSARI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2015



PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2015 dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard-Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua pejabat perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2015.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2015.

TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
24 Februari 2016

DATO' HAJI CHE PEE BIN SAMSUDIN
Akauntan Negara Malaysia
24 Februari 2016

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2015

		<u>2015</u>	<u>2014</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	22,972,548,115	17,426,671,072
PELABURAN	4	25,754,372,536	23,414,668,249
		<u>48,726,920,651</u>	<u>40,841,339,321</u>
DIPEGANG BAGI :			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	28,385,609,134	39,592,120,099
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	8,478,184,431	(10,613,907,864)
		<u>48,726,920,651</u>	<u>40,841,339,321</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

		<u>2015</u>		<u>2014</u>	
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
TERIMAAN					
Hasil	5				
Hasil Cukai		165,440,651,772		164,204,887,589	
Hasil Bukan Cukai		51,466,248,034		52,348,131,946	
Terimaan Bukan Hasil		1,289,802,714		1,666,651,362	
Hasil Wilayah Persekutuan		891,552,775	219,088,255,295	855,349,863	219,075,020,760
		<hr/>		<hr/>	
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		115,804,279,579		108,809,141,548	
Luar Negeri		5,303,204,400	121,107,483,979	–	108,809,141,548
		<hr/>		<hr/>	
Bantuan Luar Negeri	6				
Pinjaman Multilateral		–		26,539,848	
Pinjaman Bilateral		256,238,110	256,238,110	222,744,257	249,284,105
		<hr/>		<hr/>	
Terimaan Modal	7				
Terimaan Balik Pinjaman		779,787,608		1,028,450,618	
Terimaan Balik Pendahuluan		–		60,728,977	
Jualan Aset Modal		14,322		42,799	
Pelbagai Terimaan Modal		250,030,850		5,497,682	
Jualan Instrumen Kewangan		–	1,029,832,780	617,878,107	1,712,598,183
		<hr/>		<hr/>	
Terimaan Amanah	7				
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		56,248,418		61,163,842	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		153,707,965		103,256,039	
Pelbagai		478,238,962	688,195,345	–	164,419,881
		<hr/>		<hr/>	
Jumlah Terimaan			342,170,005,509		330,010,464,477
			<hr/> <hr/>		<hr/> <hr/>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

		2015		2014	
		RM	RM	RM	RM
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus	5				
Emolumen		70,050,168,154		66,946,934,325	
Perkhidmatan dan Bekalan		36,372,752,985		34,252,935,877	
Aset		1,722,703,353		1,681,823,151	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		106,049,029,982		112,544,254,857	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		849,856,842	215,044,511,316	1,064,584,574	216,490,532,784
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		38,596,110,048		37,614,004,995	
Pinjaman		2,171,601,619	40,767,711,667	1,854,590,132	39,468,595,127
Pinjaman	6				
Dalam Negeri		72,788,110,445		65,861,587,665	
Luar Negeri		4,420,000,000	77,208,110,445	-	65,861,587,665
Bantuan Luar Negeri	6				
Pinjaman Multilateral		127,773,160		109,014,953	
Pinjaman Bilateral		282,391,376	410,164,536	516,480,465	625,495,418
Perbelanjaan Modal	4				
Pembelian Instrumen Kewangan		1,864,888,405	1,864,888,405	-	-
Perbelanjaan Amanah	7				
Inisiatif Pembiayaan Swasta		296,283,422		349,159,690	
Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta		1,032,458,675		2,257,167,555	
Pelbagai		-	1,328,742,097	12,582,294,151	15,188,621,396
Jumlah Bayaran			336,624,128,466		337,634,832,390
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai			5,545,877,043		(7,624,367,913)
Wang Tunai Pada 1 Januari			17,426,671,072		25,051,038,985
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER			22,972,548,115		17,426,671,072

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

		<u>2015</u>		<u>2014</u>
		<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
HASIL	5	222,454,645,000	219,088,760,826	220,625,673,356
<i>Tolak :</i>				
Belanja Mengurus	5	221,726,762,298	216,997,528,507	219,589,142,572
LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL		<u>727,882,702</u>	<u>2,091,232,319</u>	<u>1,036,530,784</u>
<i>Tolak :</i>				
Belanja Pembangunan	7	43,025,161,162	40,767,711,667	39,503,487,396
KURANGAN KESELURUHAN		<u>(42,297,278,460)</u>	<u>(38,676,479,348)</u>	<u>(38,466,956,612)</u>
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		38,042,949,038	37,188,086,245
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		1,482,583,087	1,113,766,045
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(849,052,777)	165,104,322
JUMLAH PEMBIAYAAN			<u><u>38,676,479,348</u></u>	<u><u>38,466,956,612</u></u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA AKAUN MEMORANDUM
PADA 31 DISEMBER 2015**

	<u>Nota</u>	<u>2015</u> RM	<u>2014</u> RM
MEMORANDUM ASET			
	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		105,733,458,107	99,036,023,598
Pelaburan		30,316,159,989	30,208,017,258
MEMORANDUM LIABILITI			
	9		
Hutang Awam		630,540,436,110	582,828,241,281
Pelbagai Liabiliti		710,116,666	318,104,801

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- b) Perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk Perbelanjaan Tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagikan kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Persekutuan mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai terimaan tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaunkan urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, untung rugi pelaburan, hapuskira pinjaman daripada akaun amanah dan pertukaran pinjaman kepada pegangan ekuiti.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia. Urus niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukarkan kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.
- i) Amaun telah dikenakan kepada Ringgit Malaysia yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan di antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standards (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan selaras dengan para 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

	2015 RM	2014 RM
Wang Tunai Dalam Bank	22,031,497,574	16,479,289,901
Wang Tunai Dalam Perjalanan	937,652,138	943,952,421
Wang Tunai Dalam Tangan	3,398,403	3,428,750
JUMLAH WANG TUNAI	22,972,548,115	17,426,671,072

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pembelian instrumen kewangan yang berjumlah RM1,864,888,405 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah tidak termasuk urus niaga bukan tunai berjumlah RM474,815,882 yang merupakan pelarasan pertukaran pinjaman kepada pegangan ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

	2015 Nilai Buku		2014 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM
Sekuriti Kerajaan Luar Negeri	6,457,367,557	-	5,007,128,695	-
Sekuriti Kerajaan Malaysia	2,467,099,537	-	1,951,810,234	-
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	676,753	-	676,753	-
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440,108,058	6,617,761,577	440,108,058	6,142,945,695
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	7,459,461,999	2,122,188,013	7,364,290,243	2,506,038,013
Pelbagai	188,038,484	1,670,558	-	1,670,558
<i>Jumlah</i>	17,012,752,388	8,741,620,148	14,764,013,983	8,650,654,266
JUMLAH PELABURAN	25,754,372,536		23,414,668,249	

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Semua lebihan hasil tahun semasa dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan kecuali baki terkumpul sebelum tahun 1996 berjumlah RM11,863,127,086.

Penyata Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

	2015			2014	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		11,863,127,086		11,863,127,086	
HASIL					
Hasil Cukai	170,017,285,000	165,440,651,772	97.31	164,204,887,589	95.60
Hasil Bukan Cukai	50,094,595,000	51,466,753,585	102.74	53,898,784,542	104.60
Terimaan Bukan Hasil	1,473,499,000	1,289,802,714	87.53	1,666,651,362	144.62
Hasil Wilayah Persekutuan	869,266,000	891,552,775	102.56	855,349,863	132.64
<i>Jumlah Hasil</i>	222,454,645,000	219,088,760,826	98.49	220,625,673,356	98.01
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolument	70,119,225,634	70,050,168,154	99.90	66,946,934,325	100.71
Perkhidmatan dan Bekalan	36,432,850,052	36,372,752,985	99.84	34,258,860,520	96.51
Aset	1,731,531,453	1,722,703,353	99.49	1,802,125,806	95.59
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	112,302,554,087	***107,743,610,517	95.94	**115,096,757,716	98.61
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	1,140,601,072	1,108,293,498	97.17	1,484,444,205	99.07
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	221,726,762,298	216,997,528,507	97.87	219,589,142,572	98.88
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-	2,091,232,319	-	1,036,530,784	-
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	221,726,762,298	219,088,760,826	98.81	220,625,673,356	99.34
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>		-		-	
BAKI PADA 31 DISEMBER		11,863,127,086		11,863,127,086	

Nota: (***) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh undang-undang.

Perbezaan Hasil Bukan Cukai yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM505,531 adalah disebabkan oleh pelarasan berkaitan Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta.

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dengan anggaran disemak dan di antara anggaran disemak dengan hasil sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara.

Hasil mengikut penjenisan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

	2015			2014	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	Sebenar	
	RM	RM	RM	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI					
Cukai Pendapatan	127,391,847,000	108,361,781,000	103,985,416,377	118,995,547,439	95.02
Cukai Langsung yang Lain	8,011,136,000	8,397,828,000	7,784,904,264	7,746,944,723	97.89
Duti Kastam - Eksport	2,230,545,000	1,052,653,000	1,039,192,023	1,892,894,533	89.91
Duti Kastam - Import	2,629,173,000	2,727,121,000	2,731,766,954	2,669,683,046	106.71
Duti Eksais	9,388,939,000	8,030,936,000	7,999,148,934	8,456,105,401	91.90
Cukai Jualan atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri	1,556,001,000	2,980,857,000	3,207,057,042	6,130,394,771	98.22
Cukai Jualan atas Barangan Import	1,178,057,000	1,803,143,000	2,015,954,706	4,808,996,229	101.37
Cukai Perkhidmatan	1,874,036,000	2,850,999,000	3,038,230,278	6,277,600,117	92.60
Levi	150,000,000	150,000,000	164,147,955	216,318,553	120.18

(disambung)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
 BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

(sambungan)

	2015		Sebenar		2014	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar	% Anggaran	Sebenar	% Anggaran
	RM	RM	RM		RM	
Duti Eksais Terhadap Barangan Import	4,327,991,000	4,137,148,000	3,890,691,272	94.04	4,468,395,725	105.35
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	2,677,000,000	2,524,819,000	2,571,791,852	101.86	2,542,007,052	96.75
Cukai Barangan dan Perkhidmatan Import	3,463,146,000	13,155,000,000	12,972,704,469	98.61	-	-
Cukai Barangan dan Perkhidmatan Tempatan	18,256,854,000	13,845,000,000	14,039,645,646	101.41	-	-
Jumlah Hasil Cukai	183,134,725,000	170,017,285,000	165,440,651,772	97.31	164,204,887,589	95.60
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	13,142,829,000	12,459,908,000	12,539,757,409	100.64	14,253,820,028	109.23
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	1,303,790,000	1,434,718,000	1,536,620,025	107.10	1,452,480,156	117.84
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	573,621,000	465,343,000	601,705,877	129.30	1,096,357,029	96.24
Sewaan	249,594,000	109,059,000	187,461,249	171.89	188,097,653	90.86
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan	31,193,534,000	32,172,228,000	32,838,054,966	102.07	33,755,931,743	102.87
Denda dan Hukuman	1,136,329,000	1,157,661,000	1,285,033,338	111.00	1,117,102,950	104.99
Sumbangan dan Bayaran Ganti daripada Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	3,785,000	125,445,000	343,443,349	273.78	4,363,340	138.96
Aktiviti Caihgali Minyak dan Gas MT,JA	2,209,332,000	2,170,233,000	2,134,677,332	98.36	2,030,631,643	100.72
Jumlah Hasil Bukan Cukai	49,812,814,000	50,094,595,000	51,466,753,565	102.74	53,898,784,542	104.60
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,121,299,000	1,443,734,000	1,265,280,835	87.64	1,529,635,147	148.07
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	129,853,000	29,765,000	24,521,879	82.38	137,016,215	114.71
Jumlah Terimaan Bukan Hasil	1,250,952,000	1,473,499,000	1,289,802,714	87.53	1,666,651,362	144.62
HASIL WILAYAH PERSEKUTUAN						
Hasil Cukai Wilayah Persekutuan	684,369,000	787,104,000	803,885,206	102.13	731,734,325	128.90
Hasil Bukan Cukai Wilayah Persekutuan	93,101,000	82,162,000	87,667,569	106.70	123,615,538	160.07
Jumlah Hasil Wilayah Persekutuan	777,470,000	869,266,000	891,552,775	102.56	855,349,863	132.64
JUMLAH HASIL	234,975,961,000	222,454,645,000	219,088,760,826	98.49	220,625,673,356	98.01

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Bekalan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan yang diluluskan oleh Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan; yang terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaikan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbezaan perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap sebanyak RM1,694,580,535 bagi tahun 2015 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan oleh pelarasan pindahan peruntukan Kumpulan Wang Terkanun berjumlah RM1,629,870,535, pindahan ke Kumpulan Wang Pendahuluan Negeri berjumlah RM63,675,000 dan pelarasan ke Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta berjumlah RM1,035,000.

Perbezaan Perbelanjaan-perbelanjaan Lain berjumlah RM258,436,656 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan pelarasan hapus kira berjumlah RM250,936,068 dan pelarasan pulangan balik hasil berjumlah RM7,500,588.

Perbelanjaan yang melebihi peruntukan dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan Tambahan yang akan dibentangkan di sesi Parlimen pada tahun berikutnya selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbezaan ketara di antara anggaran asal dengan anggaran dipinda dan di antara anggaran dipinda dengan perbelanjaan sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara. Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus boleh dirujuk di Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

	2015			% Anggaran
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T. 01 Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong	13,533,000	13,533,000	13,532,940	99.99
T. 02 Elaun-elaun Diraja	1,813,100	1,813,100	1,494,098	82.41
T. 03 Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	90,000,000	84,500,000	82,896,157	98.10
T. 04 Ketua Audit Negara	1,254,000	1,254,000	598,674	47.74
T. 05 Yang Dipertua Dewan Rakyat	1,320,000	1,627,000	1,582,746	97.28
T. 06 Yang Dipertua Dewan Negara	1,260,000	1,536,000	1,532,070	99.74
T. 07 Suruhanjaya Pilihan Raya	1,420,000	1,739,000	1,738,731	99.98
T. 08 Suruhanjaya Perkhidmatan Perundangan	50,000	40,000	31,880	79.70
T. 09 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	10,650,000	5,850,000	5,193,631	88.78
T. 10 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	3,935,800	3,935,800	3,596,456	91.38
T. 11 Suruhanjaya Pasukan Polis	1,454,700	1,454,700	1,440,939	99.05
T. 12 Perbendaharaan	6,302,328,400	5,428,007,987	5,393,219,018	99.36
T. 13 Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	24,379,250,000	24,379,250,000	24,283,376,224	99.61
T. 14 Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	15,700,000,000	17,986,607,146	17,986,096,719	99.99
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	46,508,269,000	47,911,147,733	47,776,330,283	99.72
PERBELANJAAN BEKALAN				
B. 01 Parlimen	89,132,000	130,132,000	130,131,991	99.99
B. 02 Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	2,294,000	1,939,631	1,787,756	92.17
B. 03 Jabatan Audit Negara	164,670,000	157,307,742	154,335,518	98.11
B. 04 Suruhanjaya Pilihan Raya	73,852,000	72,352,000	71,402,636	98.68
B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	50,622,000	49,800,632	49,430,001	99.26
B. 06 Jabatan Perdana Menteri	6,025,239,000	5,845,878,097	5,841,982,204	99.93
B. 07 Jabatan Perkhidmatan Awam	2,670,130,000	2,670,130,000	2,670,129,914	99.99
B. 08 Jabatan Peguam Negara	202,200,000	183,668,590	179,693,758	97.84
B. 09 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	294,326,800	267,068,001	265,065,787	99.25
B. 10 Perbendaharaan	3,427,324,900	3,427,324,900	3,373,591,021	98.43
B. 11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan	32,815,826,300	31,942,654,980	27,485,770,991	86.05
B. 12 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,053,800,100	2,138,100,100	**4,226,102,854	197.66
B. 13 Kementerian Luar Negeri	761,833,000	750,635,234	808,322,840	107.69
B. 20 Kementerian Perusahaan Perdagangan dan Komoditi	1,237,800,000	1,166,200,000	1,161,679,534	99.61
B. 21 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	4,284,289,300	3,979,176,500	3,954,495,609	99.38
B. 22 Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	5,982,302,200	5,963,002,200	5,945,202,478	99.70
B. 23 Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,101,875,500	1,074,724,800	1,074,539,035	99.98
B. 24 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	586,858,500	515,847,400	507,421,780	98.37
B. 25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	947,029,000	874,464,004	871,046,601	99.61
B. 27 Kementerian Kerja Raya	2,112,630,000	1,821,614,240	1,821,614,117	99.99
B. 28 Kementerian Pengangkutan	1,256,217,900	1,311,057,521	1,311,057,445	99.99
B. 29 Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	280,970,000	246,181,514	246,180,514	99.99
B. 30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	727,057,500	699,602,300	695,269,139	99.38
B. 31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	1,187,592,000	1,158,122,800	1,149,410,251	99.25
B. 32 Kementerian Wilayah Persekutuan	427,375,600	343,888,170	340,552,831	99.03
B. 40 Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	16,629,400	15,898,461	15,610,235	98.19
B. 42 Kementerian Kesihatan	21,714,210,000	21,714,210,000	21,714,209,921	99.99
B. 43 Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	2,556,521,800	3,131,994,850	3,131,994,802	99.99
B. 45 Kementerian Belia dan Sukan	534,835,000	523,780,600	523,780,573	99.99
B. 46 Kementerian Sumber Manusia	801,770,000	793,681,200	793,582,166	99.99
B. 47 Kementerian Komunikasi dan Multimedia	1,385,097,900	1,280,831,900	1,254,766,214	97.96
B. 48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	2,044,623,400	1,979,550,509	1,969,965,484	99.52
B. 60 Kementerian Pertahanan	14,144,796,800	13,397,780,828	13,397,774,532	99.99
B. 62 Kementerian Dalam Negeri	12,611,150,000	12,604,057,000	12,604,053,489	99.99
B. 63 Kementerian Pendidikan Malaysia	39,211,432,000	39,336,432,000	39,336,431,952	99.99
B. 64 Kementerian Pendidikan Tinggi	13,147,617,100	12,246,523,861	12,234,044,570	99.99
<i>Jumlah Perbelanjaan Bekalan</i>	176,931,731,000	173,815,614,565	171,312,430,543	98.56
JUMLAH PERBELANJAAN MENGRUS	223,440,000,000	221,726,762,298	219,088,760,826	98.81

Nota (**): - Termasuk caruman ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM2,091,232,319

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**
6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua urus niaga Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri mengikut akta-akta yang berkaitan.

Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri dan Pinjaman Luar Negeri. Pinjaman Dalam Negeri termasuk pinjaman bagi membiayai Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan. Instrumen Pinjaman Dalam Negeri terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Instrumen Pinjaman Luar Negeri adalah Sukuk Global manakala Bantuan Luar Negeri terdiri daripada pinjaman Bilateral dan Multilateral.

Bayaran faedah pinjaman dan kos-kos lain untuk mendapatkan pinjaman dikenakan kepada Perbelanjaan Tanggungan (T13) berjumlah RM24,283,376,224 seperti di Nota 5(b).

Perbezaan bayaran Pinjaman Bilateral sebanyak RM2,498,070 di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai adalah disebabkan urus niaga bukan tunai bayaran balik pinjaman.

Baki Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada akhir tahun kecuali baki bersih berjumlah RM28,385,609,134.

Bantuan Luar Negeri yang belum diterima pada 31 Disember 2015 bagi membiayai projek pembangunan adalah berjumlah RM731,862,446 (2014 - RM838,977,259).

Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri berjumlah RM38,042,949,038 di Penyata Prestasi Kewangan untuk tahun 2015 ialah terimaan bersih tahun semasa tidak mengambil kira baki awal berjumlah RM39,592,120,099 dan pindahan ke Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan berjumlah RM5,700,000,000.

Penyata Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

	2015 (Debit)/Kredit RM	2014 (Debit)/Kredit RM
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Baki pada 1 Januari	39,592,120,099	26,601,885,216
Terimaan	107,804,279,579	97,309,141,548
Bayaran	(68,488,110,445)	(59,781,587,665)
Baki pada 31 Disember	78,908,289,233	64,149,439,099
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan		
Terimaan	8,000,000,000	11,500,000,000
Bayaran	(4,300,000,000)	(6,100,000,000)
Baki pada 31 Disember	3,700,000,000	5,400,000,000
Luar Negeri		
Terimaan	5,303,204,400	-
Bayaran	(4,420,000,000)	-
Baki pada 31 Disember	883,204,400	-
<i>Jumlah Pinjaman pada 31 Disember</i>	83,491,493,633	69,549,439,099
BANTUAN LUAR NEGERI		
Pinjaman Multilateral		
Baki pada 1 Januari	-	(98,238,375)
Terimaan	-	26,539,848
Bayaran	(127,773,160)	(109,014,953)
Baki pada 31 Disember	(127,773,160)	(180,713,480)
Pinjaman Bilateral		
Baki pada 1 Januari	-	(123,288,977)
Terimaan	256,238,110	247,564,982
Bayaran	(284,889,446)	(524,557,514)
Baki pada 31 Disember	(28,651,336)	(400,281,509)
<i>Jumlah Bantuan Luar Negeri pada 31 Disember</i>	(156,424,496)	(580,994,989)
<i>Jumlah Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri pada 31 Disember</i>	83,335,069,137	68,968,444,110
Pindahan Ke		
<i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	(49,249,460,003)	(23,976,324,011)
<i>Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan</i>	(5,700,000,000)	(5,400,000,000)
BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER	28,385,609,134	39,592,120,099

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Bagi Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, sebahagian besar urus niaga semasa terdiri daripada urus niaga Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan dengan debit berjumlah RM365,031,631,878 dan kredit berjumlah RM365,118,437,677. Akaun ini mengakaunkan urus niaga Akaun Kawalan, Akaun Kena Bayar dan akaun-akaun lain yang tidak melibatkan terimaan atau bayaran sebenar.

Terimaan dan Bayaran Akaun Amanah Inisiatif Pembiayaan Swasta dan Akaun Amanah Aktiviti Pembangunan Khas Pembiayaan Swasta di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai tidak mengambil kira urus niaga bukan tunai yang melibatkan penyusunan semula di bawah Kementerian Pendidikan dan pelbagai pelarasan urus niaga bukan tunai yang lain. Pelbagai Terimaan Amanah yang dilaporkan di Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai sebanyak RM478,238,962 merupakan baki bersih semasa Akaun Amanah tidak termasuk Kumpulan Wang Pembangunan dan pembiayaan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

Penyata Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2015 adalah seperti berikut:

	<i>Baki pada 01.01.2015 (Debit)/Kredit RM</i>	<i>Debit RM</i>	<i>Kredit RM</i>	<i>Baki pada 31.12.2015 (Debit)/Kredit RM</i>
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	(53,911,937,389)	43,119,443,985	55,175,007,728	(41,856,373,646)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	1,239,537,651	19,685,344,218	20,230,182,868	1,784,376,301
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	23,282,336,649	401,214,601,430	407,912,456,244	29,980,191,463
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	(29,390,063,089)	464,019,389,633	483,317,646,840	(10,091,805,882)
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Khas	675,929,420	477,882,638	2,507,877,804	2,705,924,586
Kumpulan Wang Amanah Am	7,903,580,164	19,873,408,389	18,720,331,597	6,750,503,372
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	8,579,509,584	20,351,291,027	21,228,209,401	9,456,427,958
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	9,970,547,418	5,278,888,537	3,958,595,887	8,650,254,768
